

CNS8278

R GB 18-01 00228 BA561

bah

Perlembagaan - Pindaan

MAHKAMAH KHAS DICADANG UNTUK BICARA KESALAHAN RAJA-RAJA MELAYU

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Penubuhan sebuah Mahkamah Khas untuk membicarakan kesalahan-kesalahan jenayah dan sivil yang dilakukan oleh Raja-raja Melayu atas sifat peribadi masing-masing dicadangkan dalam pindaan kepada Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1993.

Pindaan kepada rang undang-undang itu akan dibentangkan oleh kerajaan pada persidangan peringkat jawatankuasa esok, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pemberita di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

Ketika ditanya pemberita mengapa pindaan itu tidak dibentangkan sekali gus hari ini, beliau berkata ia hanya merupakan prosidur mesyuarat Dewan Rakyat kerana rang undang-undang asal perlu dibentangkan dahulu sebelum sebarang cadangan pindaan boleh dibuat.

Rang undang-undang itu bertujuan menghadkan imuniti Raja-raja Melayu di sisi undang-undang, memindahkan kuasa pengampunan yang ada pada mereka dalam kes-kes tertentu dan membolehkan anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri membahaskan isu berkaitan raja-raja di dewan masing-masing asalkan tidak mencadang penghapusan sistem Raja Berperlembagaan di negara ini.

Penubuhan Mahkamah Khas itu, struktur keanggotaannya, bidang kuasa, bidang kuasa eksklusif, prosiding dan status keputusannya dicadangkan di bawah Perkara 181(5), 181(6), 181(7), 181(8), 181(9), 181(10) dan 181(11) Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan).

Perkara 181(5) menjelaskan apa-apa prosiding terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesebuah negeri atas sifat peribadinya hendaklah dibawa dalam Mahkamah Khas itu. -- Lagi.

▼18/01/20-04MST

Perlembagaan - Pindaan 2 Kuala Lumpur

Perkara 181(6) Rang Undang-undang itu menyebut Mahkamah Khas tersebut hendaklah dipengerusikan Ketua Hakim Negara dengan dianggotai Hakim-hakim Besar Mahkamah Tinggi dan dua orang Hakim Mahkamah Agung atau Hakim Mahkamah Tinggi atau bekas hakim kedua-dua mahkamah itu yang dilantik oleh Majlis Raja-raja.

Perkara 181(7) menyatakan Mahkamah Khas itu hendaklah mempunyai bidang kuasa dan kuasa-kuasa yang sama seperti mahkamah-mahkamah bawahan, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung serta mempunyai pejabat yang didaftarkan di Kuala Lumpur.

Perkara 181(8) menghuraikan Mahkamah Khas itu hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk membicarakan segala kesalahan jenayah dan sivil yang dilakukan atau dibawa terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesebuah negeri tidak kira walau di mana sekalipun kesalahan itu dilakukan.

Perkara 181(9) memperuntukkan segala prosiding Mahkamah Khas itu, termasuk pendengaran prosiding secara tertutup dan kawalselia keterangan dan pembuktian dalam prosiding sivil dan jenayah, hendaklah sama seperti mana-mana mahkamah bawahan, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung.

Perkara 181(10) menyatakan keputusan Mahkamah Khas itu hendaklah dibuat berdasarkan pendapat majoriti anggotanya dan keputusan tersebut adalah muktamad dan konklusif serta tidak boleh dicabar atau dipertikaikan dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan. -- Lagi.

▼18/01/20-07MST

CNS8283

R GB 18-01 00188 BA563

bah

Perlembagaan - Pindaan 3 Kuala Lumpur

Peruntukan kepada Perkara 181(5) hingga 181(11) itu diperkukuhkan oleh Perkara 181(4) yang menyatakan tiada mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk melayani atau memutuskan apa-apa tindakan, sivil atau jenayah, terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesebuah negeri dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukannya atas sifat peribadinya.

Sebelum cadangan tambahan kepada Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) itu dibuat, Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja sesebuah negeri boleh didakwa di mana-mana mahkamah di negara ini atas kesalahan jenayah dan sivil.

Pindaan kepada Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) yang dibentangkan di Dewan Rakyat itu juga mencadangkan pindaan kepada Perkara 42(12)(a) dan fasal (8) Rang Undang-undang serta menambah satu lagi peruntukan kepada Perkara 181.

Perkara 42(12)(a) itu memperuntukkan bahawa kuasa pengampunan yang ada pada Yang Dipertua Negeri dipindahkan kepada Ketua Menteri apabila bersabit dengan soal memberi ampun, reprieve dan respite, atau meremitkan, menggantung atau meringankan hukuman-hukuman terhadap dirinya (Yang Dipertua Negeri), isteri dan anak-anaknya.

Ketua Menteri, ketika melaksanakan kuasa-kuasa itu pula, hendaklah bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan Negeri yang dipengerusikannya sendiri. -- Lagi.

bah

Perlembagaan - Pindaan 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Dengan meminda peruntukan itu, ia bermakna bahawa kuasa pengampunan yang diberikan kepada Ketua Menteri dalam cadangan asal pindaan tersebut dipindahkan kepada Yang di-Pertuan Agong. Yang di-Pertuan Agong pula, dalam melaksanakan tanggungjawabnya itu, akan bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan Negeri yang dipengerusikan Ketua Menteri.

Fasal (8) Rang Undang-undang itu pula yang pada asalnya menyebut bahawa Raja-raja tidak boleh didakwa di mana-mana mahkamah sebelum Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) itu dikuatkuasakan, dipinda sedikit.

Pindaan itu hanya untuk memasukkan perkataan "Yang di-Pertuan Agong atau" sebelum perkataan "Raja" dan ini bermakna Yang di-Pertuan Agong juga dilindungi oleh peruntukan tersebut.

Satu cadangan tambahan yang dikemukakan dalam pindaan kepada Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) itu ialah pada Perkara 181 dengan memasukkan fasal (11).

Perkara 181(11) itu menyebut bahawa Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Ketua Hakim Negara, boleh membuat apa-apa kaedah yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat untuk membuat peruntukan bagi penghapusan apa-apa kesulitan atau anomali dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam pelaksanaan apa-apa fungsi, perjalanan apa-apa kuasa, penamaan apa-apa kewajipan, atau pembuatan apa-apa perbuatan, di bawah mana-mana undang-undang bertulis, yang mungkin disebabkan oleh peruntukan itu.

Untuk tujuan peruntukan itu, Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Ketua Hakim Negara, boleh membuat apa-apa pengubahsuaian, adaptasi, pengubahan, pertukaran atau pindaan kepada mana-mana undang-undang bertulis. -- Bernama.